

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

AKU302: Pasaran Dan Institusi Kewangan

Tarikh: 6 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

BAHAGIAN A

Jawab LIMA soalan dari bahagian ini di dalam buku jawapan. Sumbangan setiap soalan di bahagian ini ialah 8 markah.

1. Bincangkan peranan perancangan ke atas institusi kewangan. Beri tekanan kepada keuntungan dan kekurangan perancangan.
2. Terang dan kaitkan faktor-faktor utama yang menyebabkan perbezaan kepada kadar hasil.
3. Setengah daripada peraturan kerajaan ke atas institusi kewangan bertujuan untuk memperbaiki keselamatan institusi kewangan. Walau bagaimanapun, masih ada lagi bank dan syarikat kewangan yang gagal, jadi patutkah kita mengadakan peraturan yang lebih ketat untuk mengatasinya? Bincangkan.
4. Apakah fungsi-fungsi utama wang dan bagaimanakah ia bertugas di dalam pasaran kewangan?
5. Teori kecairan Keynes berbeza daripada Teori Pinjaman dana Neoklasik, khususnya terhadap penerangan mengenai kadar hasil. Terangkan aspek-aspek perbezaan.
6. Bincangkan bidang-bidang yang perlu ditimbang semasa mengurus aset-aset institusi kewangan supaya mencapai pemegangan aset yang optimum.
7. Terang dan kaitkan faktor-faktor yang menentukan jumlah premium panggilan.

...2/-

Angka Giliran (Dengan perkataan)

[AKU 302]

Angka Giliran: _____
Bil. Tempat Duduk: _____

BAHAGIAN B

Jawab SEMUA soalan pada ruang yang disediakan. Sumbangan setiap soalan di bahagian ini ialah 4 markah.

1. Bagaimanakah institusi-institusi kewangan membuat pasaran kewangan lebih cekap?

2. Adakah prinsip-prinsip pengurusan potfolio berguna untuk menguruskan dana di pasaran wang? Bincangkan.

...3/-

Angka Giliran (Dengan Perkataan)

[AKU 302]

_____ Angka Giliran: _____

3. Bagaimanakah simpanan benar dipindahkan kepada pelaburan benar melalui pengantaraan kewangan?
4. Terangkan perbezaan antara jenis-jenis deposit bank perdagangan yang berikut: akaun semasa, simpanan tetap, tabungan simpanan dan perakuan deposit.



Angka Giliran: _____

5. Siapakah yang menanggung kos untuk pinjaman lapuk? Apakah kesan ke atas kadar faedah pinjaman sekiranya institusi kewangan diperlukan untuk memberi pinjaman kepada kumpulan yang berisiko tinggi?

6. Bezakan antara risiko kadar faedah dan risiko kredit (perniagaan) dan nyatakan cara-cara mengatasinya.

...5/-

Angka Giliran: _____

7. Apakah yang dimaksudkan dengan kos ketara (eksplisit) dan kos tak ketara (implisit) di dalam pengawalan institusi kewangan?
8. Terangkan perbezaan antara Teori pinjaman perdagangan dan teori pengurusan liabiliti terhadap penyediaan polisi kecairan.

...6/-

Angka Giliran (Dengan perkataan)

[AKU 302]

Angka Giliran: _____

9. Bincangkan alasan-alasan untuk kegunaan kadar penukaran yang tetap dan kadar penukaran terapung.

10. Apakah risiko yang mungkin muncul di dalam urusan antarabangsa yang selalunya tidak didapati di dalam urusan dalam negeri?

...7/-

Angka Giliran (Dengan perkataan)

[AKU 302]

Angka Giliran: _____

11. Bincangkan perbezaan antara Teori jangkaan kadar hasil dan Teori kecenderungan kecairan.

12. Sekiranya bon jangka pendek dan bon jangka panjang boleh ditukargantikan antara satu sama lain, apakah kesannya ke atas Teori Persegmenan pasaran?

Angka Giliran (Dengan perkataan)

[AKU 302]

Angka Giliran: _____

13. Bandingkan antara operasi institusi kewangan dengan institusi bukan kewangan.

14. Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan pusingan faedah dan apakah kekurangannya? Adakah ia memaksimumkan keuntungan semasa?

...9/-

Angka Giliran (Dengan perkataan)

[AKU 302]

_____ Angka Giliran: _____

15. Sekiranya sesebuah institusi ingin membuat keuntungan daripada pengurusan pusingan faedah, apakah kedudukan kecairan dan struktur kematangan yang harus diambil pada fasa 1 (kemuncak)? Pada fasa 3 (bawah)?

- oooOooo -